

MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 47
No. 11

29hb Mei 2003

*TAMBAHAN No. 52
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 150.

AKTA AHLI PARLIMEN (SARAAN) 1980

PERINTAH AHLI PARLIMEN (SARAAN) (PINDAAN JADUAL PERTAMA) 2003

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 19A Jadual Pertama kepada Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 [*Akta 237*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan Jadual Pertama) 2003**.

(2) Perintah ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 5 April 1995.

Pindaan Jadual Pertama

2. Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 [*Akta 237*] dipinda dalam Jadual Pertama—

(a) dengan menggantikan perenggan 4 dengan perenggan yang berikut:

“4. (1) Seseorang yang berhenti menjadi Ahli boleh diberi ganjaran yang dihitung mengikut formula yang berikut:

$\frac{1}{48} \times \text{gaji} \times 12 \times \text{tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkan}$
kira.

(2) Walau apa pun subperenggan (1), Ahli yang berhenti memegang jawatan Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, atau Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, tetapi terus menjadi Ahli Dewan Negara atau Dewan Rakyat bolehlah dibayar ganjaran yang dihitung di bawah subperenggan (1).

(3) Walau apa pun subperenggan (1) dan tertakluk kepada subperenggan (4)(a), Anggota Pentadbiran yang berhenti memegang jawatan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen dan—

(a) terus menjadi Ahli Dewan Negara atau Dewan Rakyat; atau

(b) berhenti menjadi Ahli Dewan Negara atau Dewan Rakyat,

boleh diberi ganjaran yang dihitung di bawah subperenggan (1).

(4) Bagi maksud menghitung ganjaran di bawah subperenggan (1)—

(a) jika suatu ganjaran kena dibayar kepada seseorang Anggota Pentadbiran di bawah subperenggan (3), “tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira” ialah tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira sebagai Ahli setakat tujuh puluh dua bulan dan jika tempoh itu melebihi tujuh puluh dua bulan, hanya apa-apa tempoh perkhidmatan sebagai Anggota Pentadbiran sahaja hendaklah dimasukkan kira; dan

(b) jika suatu ganjaran kena bayar dibayar kepada seseorang Ahli yang bukan Anggota Pentadbiran, “tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira” ialah apa-apa tempoh perkhidmatan yang tidak serentak dengan tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira yang ganjaran itu telah dihitung tertakluk kepada subperenggan (a).

(5) Apa-apa ganjaran yang telah dibayar kepada Anggota Pentadbiran yang ialah Ahli Dewan Rakyat apabila terbubarinya Parlimen hendaklah dipotong daripada ganjaran yang kena dibayar di bawah subperenggan (1).

(6) Ganjaran yang kena dibayar di bawah subperenggan (1) hendaklah berasaskan gaji tertinggi yang didapati oleh Ahli dalam Tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira sebagaimana yang ditentukan di bawah subperenggan (4).

(7) Apa-apa ganjaran atau award tunai yang telah dibayar kepada Ahli berkenaan dengan apa-apa tempoh perkhidmatan yang dimasukkan kira yang ditentukan di bawah subperenggan (4) hendaklah dipotong daripada ganjaran yang kena dibayar di bawah subperenggan (1).”;

(b) dengan memotong perenggan 4A; dan

(c) dalam subperenggan 5(1) dan (2), dengan memotong perkataan “atau perenggan 4A, mengikut mana-mana yang berkenaan”.

Dibuat 9 Mei 2003

[JPA/PEN/(R)228/6/6-12; PN(PU²)369/IV]

Dengan Titah Perintah

TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN
Setiausaha Jemaah Menteri

MEMBERS OF PARLIAMENT (REMUNERATION) ACT 1980

MEMBERS OF PARLIAMENT (REMUNERATION) (AMENDMENT OF FIRST SCHEDULE) ORDER 2003

IN exercise of the powers conferred by paragraph 19A of the First Schedule to the Members of Parliament (Remuneration) Act 1980 [Act 237], the Yang di-Pertuan Agong makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Members of Parliament (Remuneration) (Amendment of First Schedule) Order 2003**.

(2) This Order shall be deemed to have come into operation on 5 April 1995.

Amendment of First Schedule

2. The Members of Parliament (Remuneration) Act 1980 [Act 237] is amended in the First Schedule—

(a) by substituting for paragraph 4 the following paragraph:

“4. (1) A person who ceases to be a Member may be granted a gratuity calculated on the following formula:

$$1/48 \times \text{salary} \times 12 \times \text{period of reckonable service.}$$

(2) Notwithstanding subparagraph (1), a Member who ceases to hold the office of President or Deputy President of the Senate, or Speaker or Deputy Speaker of the House of Representatives, but continues to be Member of either House of Parliament may be paid a gratuity calculated under subparagraph (1).

(3) Notwithstanding subparagraph (1) and subject to subparagraph (4)(a), a Member of the Administration who ceases to hold the office of Prime Minister, Deputy Prime Minister, Minister, Deputy Minister of Parliamentary Secretary and—

(a) continues to be a Member of either House of Parliament; or

(b) ceases to be a Member of either House of Parliament,

may be granted a gratuity calculated under subparagraph (1).

(4) For the purpose of calculating the gratuity under subparagraph (1)—

(a) if a gratuity falls due to be payable to a Member of the Administration under subparagraph (3), “period of reckonable service” shall be the period of reckonable service as a Member up to seventy-two months and if such period exceeds seventy-two months, only such period of service as a Member of Administration shall be reckoned; and

(b) if a gratuity falls due to be payable to a Member who is not a Member of the Administration, “period of reckonable service” shall be any period of reckonable service not concurrent with a period of reckonable service for which gratuity has been calculated subject to subparagraph (a).

(5) Any gratuity that had been paid to the Member of Administration who is a Member of the House of Representatives upon the dissolution of Parliament shall be deducted from the gratuity that falls due to be paid under subparagraph (1).

(6) The gratuity payable under subparagraph (1) shall be based on the highest drawn salary of the Member during the period of reckonable service as determined under subparagraph (4).

(7) Any gratuity or cash award that has been paid to a Member in respect of any period of reckonable service as determined under subparagraph (4) shall be deducted from the gratuity that falls due to be paid under subparagraph (1).”;

(b) by deleting 4A; and

(c) in subparagraphs 5(1) and (2), by deleting the words “or paragraph 4A, as the case may be”.

Made 9 May 2003

[JPA/PEN/(R)228/6/6-12; PN(PU²)369/IV]

By Command

TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN
Secretary to the Cabinet

P.U. (A) 151.

AKTA BENDAPURBA 1976

PERINTAH BENDAPURBA (MONUMEN LAMA DAN TAPAK TANAH BERSEJARAH) 2003

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 15(1) Akta Bendapurba 1976 [*Akta 168*], Menteri, dengan persetujuan Sultan Kelantan, membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Bendapurba (Monumen Lama dan Tapak Tanah Bersejarah) 2003**.

Monumen lama dan tapak tanah bersejarah

2. Petak tanah yang diperihalkan dalam ruang (2), (3), (4) dan (5) Jadual dan monumen yang terletak di atasnya yang dinyatakan dalam ruang (1) adalah masing-masing diisytiharkan sebagai tapak tanah bersejarah dan monumen lama.

JADUAL

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
<i>Nama</i>	<i>Daerah</i>	<i>Mukim</i>	<i>No. Lot</i>	<i>Luas</i>
Bangunan Muzium Negeri	Kota Bharu	Kota Bharu	122 Seksyen 12	3,483 meter persegi
Istana Jahar	Kota Bharu	Seksyen 7, Bandar Kota Bharu	430	1,822 meter persegi
Bangunan Bank Kerapu (Memorial Peperangan Dunia II)	Kota Bharu	Bandar Kota Bharu	31	1,968 meter persegi
Jambatan Sultan Ismail	Kuala Krai	Kuala Nal	Rizab Sungai	Rizab Sungai
Bekas Stesen Keretapi Tanah Melayu	Kota Bharu	Kota Bharu	155	446 meter persegi
Tapak Kawasan Tinggalan Perahu Bunga Emas	Kota Bharu	Banggol	158 dan 869	Rizab Sungai

Dibuat 8 Mei 2003

[JMA/UPK/146/713/03; PN(PU²)307/IV]

DATO' PADUKA ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR
Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

ANTIQUITIES ACT 1976

ANTIQUITIES (ANCIENT MONUMENTS AND HISTORICAL SITES) ORDER 2003

In exercise of the powers conferred by subsection 15(1) of the Antiquities Act 1976 [*Act 168*], the Minister, with the concurrence of the Sultan of Kelantan, makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Antiquities (Ancient Monuments and Historical Sites) Order 2003**.

Ancient monument and historical site

2. The parcels of land described in columns (2), (3), (4) and (5) of the Schedule and the monuments standing thereon as specified in column (1) are declared to be historical site and ancient monuments respectively.

SCHEDULE

(1) <i>Name</i>	(2) <i>District</i>	(3) <i>Mukim</i>	(4) <i>Lot No.</i>	(5) <i>Area</i>
Bangunan Muzium Negeri	Kota Bharu	Kota Bharu	122 Section 12	3,483 square metres
Istana Jahar	Kota Bharu	Section 7, Bandar Kota Bharu	430	1,822 square metres
Bangunan Bank Kerapu (Memorial Peperangan Dunia II)	Kota Bharu	Bandar Kota Bharu	31	1,968 square metres
Jambatan Sultan Ismail	Kuala Krai	Kuala Nal	Rizab Sungai	Rizab Sungai
Bekas Stesen Keretapi Tanah Melayu	Kota Bharu	Kota Bharu	155	446 square metres
Tapak Kawasan Tinggalan Perahu Bunga Emas	Kota Bharu	Banggol	158 and 869	Rizab Sungai

Made 8 May 2003
[JMA/UPK/146/713/03; PN(PU²)307/IV]

DATO' PADUKA ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR
Minister of Culture, Art and Tourism

P.U. (A) 152.**AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967****PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECEUALIAN) (No. 5) 2003**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 5) 2003**.

(2) Perintah ini disifatkan telah berkuat kuasa pada 20 Oktober 2001.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteks menghendaki makna yang lain—

“laman jaring di Malaysia” ertinya suatu laman jaring yang dihoskan pada server di Malaysia;

“pendapatan tercukai” ertinya pendapatan berkanun suatu syarikat perdagangan luar pesisir yang diluluskan daripada suatu perdagangan luar pesisir ditolak apa-apa potongan yang kena dibuat menurut subseksyen 43(2) Akta berhubung dengan suatu perdagangan luar pesisir;

“perdagangan luar pesisir” ertinya pembelian daripada dan penjualan kepada bukan pemastautin melalui laman web di Malaysia barangan luar negeri untuk penggunaan di luar Malaysia termasuk barangan yang dibawa masuk ke Malaysia bagi tujuan pengagihan semula di luar Malaysia;

“syarikat perdagangan luar pesisir yang diluluskan” ertinya suatu syarikat yang menjalankan perdagangan luar pesisir dan diluluskan oleh Menteri sebagai layak mendapat pengecualian.

Pengecualian

3. (1) Menteri mengecualikan suatu syarikat perdagangan luar pesisir yang diluluskan daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan tercukai bagi tempoh lima tahun taksiran berturut-turut bermula dari tahun taksiran yang kelulusan diberi dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu.

(2) Amaun pendapatan tercukai yang dikecualikan di bawah subperenggan (1) yang diperolehi dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran hendaklah ditentukan mengikut formula yang berikut:

$$A - [(10/B \times A) @ B]$$

di mana A ialah pendapatan tercukai; dan

B ialah kadar cukai yang terpakai kepada syarikat perdagangan luar pesisir yang diluluskan bagi suatu tahun taksiran.

(3) Walau apa pun subperenggan (2), pendapatan tercukai yang tidak dikecualikan daripada cukai pendapatan hendaklah ditentukan mengikut formula yang berikut:

$$10/B \times A$$

di mana A ialah pendapatan tercukai; dan

B ialah kadar cukai yang terpakai kepada syarikat perdagangan luar pesisir yang diluluskan bagi suatu tahun taksiran.

Penyelenggaraan akaun yang berasingan

4. Suatu syarikat perdagangan luar pesisir yang diluluskan hendaklah menyelenggara suatu akaun yang berasingan bagi pendapatan yang diperolehi daripada menjalankan suatu perdagangan luar pesisir.

Pemakaian perenggan 5 dan 6 Jadual 7A

5. Perenggan 5 dan 6 Jadual 7A kepada Akta hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, bagi amaun pendapatan tercukai yang dikecualikan di bawah subperenggan 3(2).

Dibuat 13 Mei 2003

[Perb. CR(8.09) 248/40/7-304 Vol. 8 (SK.5); LHDN. 01/35/(S)/42/51/231-17.2; PN(PU²)80/XXXVII]

Bagi pihak dan atas nama Menteri Kewangan

CHAN KONG CHOY
Timbalan Menteri Kewangan

[*Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4) Akta Cukai Pendapatan 1967*]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (EXEMPTION) (No. 5) ORDER 2003

IN exercise of the powers conferred by paragraph 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may cited as the **Income Tax (Exemption) (No. 5) Order 2003**.

(2) This Order is deemed to have come into operation on 20 October 2001.

Interpretation

2. In this Order, unless the context otherwise requires—

“website in Malaysia” means a website that is hosted to server in Malaysia;

“chargeable income” means statutory income of an approved offshore trading company from an offshore trading reduced by any deduction to be made pursuant to subsection 43(2) of the Act relating to an offshore trading;

“offshore trading” means buying from and selling to non-residents through a website in Malaysia of foreign goods for consumption outside Malaysia including goods brought into Malaysia for the purpose of redistribution outside Malaysia;

“approved offshore trading company” means a company which carries on an offshore trading and is approved by the Minister as eligible for exemption.

Exemption

3. (1) The Minister exempts an approved offshore trading company from the payment of income tax in respect of the chargeable income for a period of five consecutive years of assessment commencing from the year of assessment in which the approval is given in the basis period of that year of assessment.

(2) The amount of chargeable income exempted under subparagraph (1) derived in the basis period for a year of assessment shall be determined in accordance with the following formula:

$$A - [(10/B \times A) @ B]$$

where A is the chargeable income; and

B is the rate of tax applicable to an approved offshore trading company for a year of assessment.

(3) Notwithstanding subparagraph (2), the chargeable income which is not exempted from payment of income tax shall be determined in accordance with the following formula:

$$10/B \times A$$

where A is the chargeable income; and

B is the rate of tax applicable to an approved offshore trading company for a year of assessment.

Maintaining separate accounts

4. An approved offshore trading company shall maintain a separate account for the income derived from carrying on an offshore trading.

Application of paragraphs 5 and 6 of Schedule 7A

5. Paragraphs 5 and 6 of Schedule 7A to the Act shall apply, *mutatis mutandis*, to the amount of chargeable income exempted under subparagraph 3(2).

Made 13 May 2003

[Perb. CR(8.09)248/40/7-304 Vol. 8 (SK.5); LHDN. 01/35/(S)/42/51/231-17.2; PN(PU²)80/XXXVII]

On behalf and in the name of the Minister of Finance

CHAN KONG CHOY
Deputy Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the Income Tax Act 1967]

P.U. (A) 153.**AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967****PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECCUALIAN) (No. 6) 2003**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 6) 2003**.

(2) Perintah ini disifatkan telah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 1999 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

Pengecualian

2. (1) Menteri mengecualikan semua orang daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan diskaun atau keuntungan yang diterima daripada penjualan bon atau sekuriti yang dikeluarkan oleh Pengurusan Danaharta Nasional Berhad atau Danaharta Urus Sendirian Berhad di dalam dan di luar Malaysia.

(2) Bon atau sekuriti yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah dikeluarkan pada diskaun dan tanpa bayaran faedah.

(3) Seksyen 109 dan 109c Akta tidak terpakai bagi pendapatan yang dikecualikan di bawah Perintah ini.

Dibuat 13 Mei 2003

[Perb. CR(8.20)116/1-138(SJ.18) Vol. 2(37); LHDN. 01/35/42/51/231-3; PN(PU²)80/XXXVII]

Bagi pihak dan atas nama Menteri Kewangan

CHAN KONG CHOY
Timbalan Menteri Kewangan

[*Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4) Akta Cukai Pendapatan 1967*]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (EXEMPTION) (No. 6) ORDER 2003

IN exercise of the powers conferred by paragraph 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [*Act 53*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Income Tax (Exemption) (No. 6) Order 2003**.

(2) This Order is deemed to have effect from the year of assessment 1999 and subsequent years of assessment.

Exemption

2. (1) The Minister exempts all persons from the payment of income tax in respect of discount or profit received from the sale of bonds or securities issued by Pengurusan Danaharta Nasional Berhad or Danaharta Urus Sendirian Berhad within and outside Malaysia.

(2) The bonds or the securities referred to in subparagraph (1) shall be issued at a discount and without interest payable.

(3) Sections 109 and 109c of the Act shall not apply to income exempted under this Order.

Made 13 May 2003

[Perb. CR(8.20)116/1-138(SJ.18) Vol. 2(37); LHDN. 01/35/42/51/231-3; PN(PU²)80/XXXVII]

On behalf and in the name of the Minister of Finance

CHAN KONG CHOY
Deputy Minister of Finance

[*To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the Income Tax Act 1967*]

P.U. (A) 154.

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

KAEDAH-KAEDAH KENDERAAN MOTOR (PENDAFTARAN DAN PELESENAN)
(PINDAAN) (No. 2) 2003

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 66 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pendaftaran dan Pelesenan) (Pindaan) (No. 2) 2003.**

(2) Butiran 2(b)(ii)(A) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 31 Januari 2003.

(3) Perenggan 2(a), subperenggan 2(b)(i), butiran 2(b)(ii)(B), subbutiran 2(b)(ii)(C)(p), subperenggan 2(b)(iii) dan perenggan 2(c) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 15 Februari 2003.

Pindaan Jadual Ketujuh

2. Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pendaftaran dan Pelesenan) 1959 [P.U. 173/1959] dipinda dalam Jadual Ketujuh—

(a) dalam Bahagian I, dengan memasukkan selepas butiran “XIII NAM” dan butir-butir yang berhubungan dengannya butiran yang berikut:

(1)	(2)
<i>Index Mark</i>	<i>Number</i>
“Jalur Gemilang II ...	”;


(b) dalam Bahagian II—

(i) dalam Bab 1, dengan memasukkan selepas Gambar Rajah 27 gambar rajah yang berikut:

“Diagram 28

Jalur Gemilang I I

Diagram 29



(ii) dalam Bab 2—

- (A) dengan memasukkan selepas perkataan ‘ “JUARA” ’ perkataan ‘, “ Putrajaya”, ’;
- (B) dengan memasukkan selepas perkataan ‘ “XIII NAM” ’ perkataan ‘, “Jalur Gemilang II” ’; dan
- (C) dengan menggantikan butiran 1 dengan butiran yang berikut:

“1. The registration number comprising the index mark and the number assigned to the motor vehicle shall be arranged in conformity with the arrangement of the letters, figures and shapes as shown in the following diagrams:

- (a) in Diagram 1 or Diagram 2 in respect of “PROTON” registration number;
- (b) in Diagram 3 or Diagram 4 in respect of “SUKOM” registration number;
- (c) in Diagram 5 in respect of “PERODUA” registration number;
- (d) in Diagram 6 in respect of “SATRIA” registration number;
- (e) in Diagram 7 in respect of “TIARA” registration number;
- (f) in Diagram 8 or Diagram 9 in respect of “KRISS” registration number;

-
- (g) in Diagram 10 or Diagram 11 in respect of “PUTRA” registration number;
 - (h) in Diagram 12 or Diagram 13 in respect of “LOTUS” registration number;
 - (i) in Diagram 14 or Diagram 15 in respect of “JAGUH” registration number;
 - (j) in Diagram 16 or Diagram 17 in respect of “GP” registration number;
 - (k) in Diagram 18 or Diagram 19 in respect of “BAMbee” registration number;
 - (l) in Diagram 20 or Diagram 21 in respect of “WAJA” registration number;
 - (m) in Diagram 22 or Diagram 23 in respect of “JUARA” registration number;
 - (n) in Diagram 24 or Diagram 25 in respect of “Putrajaya” registration number;
 - (o) in Diagram 26 or Diagram 27 in respect of “XIII NAM” registration number;
 - (p) in Diagram 28 or Diagram 29 in respect of “Jalur Gemilang II” registration number.”; dan
- (iii) dengan memasukkan selepas subbutiran 5(d) di bawah subkepala ‘ “XIII NAM” Registration Number’ subkepala dan perenggan yang berikut:

‘ “Jalur Gemilang II” Registration Number

1. The “Jalur Gemilang II” logo shall be exclusively designed in Book Antiqua Italic type style as shown in Diagram 28 and Diagram 29. The length of the logo shall be 300 millimetres as measured between the furthest two tips. The height of the logo shall be 35 millimetres as measured from the highest tip to the lowest tip of the letters “J” and “G”.
2. The typeface of the figures shall be of Book Antiqua Italic type style. The height of the figures shall be 47 millimetres and the total width of the space taken by every figure shall be 30 millimetres.
3. The margin between the nearest tip of the “Jalur Gemilang II” logo or figure and the top or bottom or sides of the black surface upon which the registration number is inscribed shall be at least 10 millimetres.

4. The space between the nearest tip of adjoining figures for the FRONT and REAR shall be 6 millimetres. The space between the letters and figures shall be 30 millimetres in accordance with Diagram 28. Where the registration number is arranged in accordance with Diagram 29, the space between the upper and lower lines shall be 10 millimetres.”; dan

(c) dalam Bahagian III, dengan memasukkan selepas butiran “XIII NAM” dan butir-butir yang berhubungan dengannya butiran yang berikut:

(1)	(2)		(3)	
<i>Special registration number</i>	<i>Make and model name of selected motor vehicle to which special registration number has been assigned</i>		<i>Make and model name of selected motor vehicle to which special registration number assigned as in column (2) may be reassigned</i>	
	Make	Model Name	Make	Model Name
“Jalur Gemilang II	Proton	Satria	Proton	Satria”.

Dibuat 6 Mei 2003

[KP/PUU/W/BD/0.440/3/9; PN(PU²)460/XXXVIII]

DATO' SERI DR. LING LIONG SIK
Menteri Pengangkutan

ROAD TRANSPORT ACT 1987

MOTOR VEHICLES (REGISTRATION AND LICENSING) (AMENDMENT) (No. 2) RULES 2003

IN exercise of the powers conferred by section 66 of the Road Transport Act 1987 [Act 333], the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Motor Vehicles (Registration and Licensing) (Amendment) (No. 2) Rules 2003**.

(2) Item 2(b)(ii)(A) is deemed to have come into operation on 31 January 2003.

(3) Paragraph 2(a), subparagraph 2(b)(i), item 2(b)(ii)(B), subitem 2(b)(ii)(C)(p), subparagraph 2(b)(iii) and paragraph 2(c) are deemed to have come into operation on 15 February 2003.

Amendment of Seventh Schedule

2. The Motor Vehicles (Registration and Licensing) Rules 1959 [L.N. 173/1959] is amended in the Seventh Schedule—

(a) in Part I, by inserting after the item “XIII NAM” and the particulars relating to it the following item:

(1)	(2)
<i>Index Mark</i>	<i>Number</i>
“Jalur Gemilang II...	”;


(b) in Part II—

(i) in Chapter 1, by inserting after Diagram 27 the following diagrams:

“Diagram 28



Diagram 29



(ii) in Chapter 2—

(A) by inserting after the word ‘ “JUARA” ’ the word ‘, “Putrajaya”, ’;

(B) by inserting after the words ‘ “XIII NAM” ’ the words ‘, “Jalur Gemilang II” ’; and

(C) by substituting for item 1 the following item:

“1. The registration number comprising the index mark and the number assigned to the motor vehicle shall be arranged in conformity with the arrangement of the letters, figures and shapes as shown in the following diagrams:

(a) in Diagram 1 or Diagram 2 in respect of “PROTON” registration number;

(b) in Diagram 3 or Diagram 4 in respect of “SUKOM” registration number;

(c) in Diagram 5 in respect of “PERODUA” registration number;

(d) in Diagram 6 in respect of “SATRIA” registration number;

(e) in Diagram 7 in respect of “TIARA” registration number;

(f) in Diagram 8 or Diagram 9 in respect of “KRISS” registration number;

(g) in Diagram 10 or Diagram 11 in respect of “PUTRA” registration number;

(h) in Diagram 12 or Diagram 13 in respect of “LOTUS” registration number;

(i) in Diagram 14 or Diagram 15 in respect of “JAGUH” registration number;

(j) in Diagram 16 or Diagram 17 in respect of “GP” registration number;

(k) in Diagram 18 or Diagram 19 in respect of “BAMbee” registration number;

(l) in Diagram 20 or Diagram 21 in respect of “WAJA” registration number;

- (m) in Diagram 22 or Diagram 23 in respect of “JUARA” registration number;
- (n) in Diagram 24 or Diagram 25 in respect of “Putrajaya” registration number;
- (o) in Diagram 26 or Diagram 27 in respect of “XIII NAM” registration number;
- (p) in Diagram 28 or Diagram 29 in respect of “Jalur Gemilang II” registration number.”; and

(iii) by inserting after subitem 5(d) under the subheading ‘ “XIII NAM” Registration Number’ the following subheading and paragraphs:

‘ “Jalur Gemilang II” Registration Number

1. The “Jalur Gemilang II” logo shall be exclusively designed in Book Antiqua Italic type style as shown in Diagram 28 and Diagram 29. The length of the logo shall be 300 millimetres as measured between the furthest two tips. The height of the logo shall be 35 millimetres as measured from the highest tip to the lowest tip of the letters “J” and “G”.
2. The typeface of the figures shall be of Book Antiqua Italic type style. The height of the figures shall be 47 millimetres and the total width of the space taken by figure shall be 30 millimetres.
3. The margin between the nearest tip of the “Jalur Gemilang II” logo or figure and the top or bottom or sides of the black surface upon which the registration number is inscribed shall be at least 10 millimetres.
4. The space between the nearest tip of adjoining figures for the FRONT and REAR shall be 6 millimetres. The space between the letters and figures shall be 30 millimetres in accordance with Diagram 28. Where the registration number is arranged in accordance with Diagram 29, the space between the upper and lower lines shall be 10 millimetres.”; and

(c) in Part III, by inserting after the item “XIII NAM” and the particulars relating to it the following item:

(1)	(2)	(3)
<i>Special registration number</i>	<i>Make and model name of selected motor vehicle to which special registration number has been assigned</i>	<i>Make and model name of selected motor vehicle to which special registration number assigned as in column (2) may be reassigned</i>
	Make Model Name	Make Model Name
“Jalur Gemilang II	Proton	Satria
	Proton	Satria”.

Made 6 May 2003

[KP/PUU/W/BD/0.440/3/9; PN(PU²)460/XXXVIII]

DATO' SERI DR. LING LIONG SIK
Minister of Transport

P.U. (A) 155.

AKTA KASTAM 1967

PERINTAH KASTAM (NILAI-NILAI) (MINYAK MENTAH PETROLEUM) (No. 11) 2003

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 12 Akta Kastam 1967 [Akta 235], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kastam (Nilai-Nilai) (Minyak Mentah Petroleum) (No. 11) 2003** dan hendaklah mula berkuat kuasa bagi tempoh 29 Mei 2003 hingga 11 Jun 2003.

Pemungutan dan pembayaran duti kastam

2. Bagi maksud pemungutan dan pembayaran duti-duti kastam, menurut peruntukan-peruntukan Perintah Duti Kastam 1996 [P.U. (A) 15/96], nilai bagi tiap-tiap satu barang berduti yang dinyatakan dalam ruang (1) dan (2) Jadual mengikut unitnya yang tersebut dalam ruang (3) hendaklah nilai yang dinyatakan dalam ruang (4) Jadual tersebut.

CUSTOMS ACT 1967

CUSTOMS (VALUES) (CRUDE PETROLEUM OIL) (No. 11) ORDER 2003

IN exercise of the powers conferred by section 12 of the Customs Act 1967 [Act 235], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. This order may be cited as the **Customs (Values) (Crude Petroleum Oil) (No. 11) Order 2003** and shall have effect for the period from 29 May 2003 to 11 June 2003.

Levy and payment of customs duties

2. For the purpose of the levy and payment of customs duties, in accordance with the provisions of the Customs Duties Order 1996 [*P.U. (A) 15/96*], the value of each of the dutiable goods specified in columns (1) and (2) of the Schedule in respect of the unit thereof mentioned in column (3) of the Schedule shall be value specified in column (4) of the said Schedule.

JADUAL/SCHEDULE

Barang (Goods)	No. Kepala (Heading No.)	Yunit (Unit)	Nilai (Value)
(1)	(2)	(3)	(4)
PETROLEUM OILS AND OILS OBTAINED FROM BITUMINOUS MINERALS, CRUDE:			
Tapis Blend	2709.00 100	per barrel	RM105.34
Labuan Crude	2709.00 100	per barrel	RM105.34
Miri Light Crude	2709.00 100	per barrel	RM105.34
Dulang	2709.00 100	per barrel	RM105.07
Bintulu Crude	2709.00 100	per barrel	RM104.20
Terengganu Condensate	2709.00 900	per barrel	RM100.78
Bintulu Condensate	2709.00 900	per barrel	RM101.16
Minyak Mentah Fairley Baram	2709.00 100	per barrel	RM105.45
Masa	2709.00 100	per barrel	RM105.22
Asam Paya	2709.00 100	per barrel	RM105.45

Dibuat 22 Mei 2003

Made 22 May 2003

[KE. HT(34.11)819/01-1/Klt. 7/(20);R. 9003/54z-40; PN(PU²)338/VIII Klt. 1]

Dengan arahan Menteri Kewangan.

By direction of the Minister of Finance.

Bagi pihak dan atas nama Menteri Kewangan/
On behalf and in the name of the Minister of Finance

DATO' KAMARIAH BT. HUSSAIN
Setiausaha
Bahagian Analisa Cukai

P.U. (A) 156.

AKTA KASTAM 1967

PERINTAH KASTAM (NILAI-NILAI) (ISIRONG KELAPA SAWIT)
(No. 5) 2003

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 12 Akta Kastam 1967 [Akta 235], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kastam (Nilai-Nilai) (Isirong Kelapa Sawit) (No. 5) 2003** dan hendaklah berkuat kuasa bagi tempoh 1 Jun 2003 hingga 30 Jun 2003.

Pemungutan dan pembayaran duti kastam

2. Bagi maksud pemungutan dan pembayaran duti-duti kastam, menurut peruntukan-peruntukan Perintah Duti Kastam 1996 [P.U. (A) 15/96], nilai bagi Isirong Kelapa Sawit yang jatuh di bawah nombor subkepala 1207.10 100 adalah **RM863.84** setan.

CUSTOMS ACT 1967

CUSTOMS (VALUES) (PALM KERNEL) (No. 5) ORDER 2003

IN exercise of the powers conferred by section 12 of the Customs Act 1967 [Act 235], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. This order may be cited as the **Customs (Values) (Palm Kernel) (No. 5) Order 2003** and shall have effect for the period from 1 June 2003 to 30 June 2003.

Levy and payment of customs duties

2. For the purpose of the levy and payment of customs duties, in accordance with the provision of the Customs Duties Order 1996 [P.U. (A) 15/96], the value of Palm Kernel falling under subheading number 1207.10 100 shall be **RM863.84** per tonne.

Dibuat 23 Mei 2003

Made 23 May 2003

[KE. HT(34.11)819/03-6/Klt. 3(56); Perb. (8.20)116/1-4; PN(PU²)338/VIII]

Dengan arahan Menteri Kewangan.

By direction of the Minister of Finance.

Bagi pihak dan atas nama Menteri Kewangan/

On behalf and in the name of the Minister of Finance

DATO' KAMARIAH BINTI HUSSAIN

Setiausaha

Bahagian Analisa Cukai

P.U. (A) 157.

AKTA PENCEN 1980

PERATURAN-PERATURAN PENCEN (PINDAAN) 2003

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 5 Akta Pencen 1980 [Akta 227], Yang di-Pertuan Agong membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pencen (Pindaan) 2003**.

(2) Peraturan-Peraturan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2002.

Pindaan peraturan 19

2. Peraturan-Peraturan Pencen 1980 [P.U. (A) 176/1980] dipinda dalam perenggan 19(1)(a) dengan memotong perkataan “tak berkahwin dan”.

Dibuat 9 Mei 2003

[JPA/PEN(R)228/23/3-1; PN(PU²)423/II]

Dengan Titah Perintah

TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN
Setiausaha Jemaah Menteri

PENSIONS ACT 1980

PENSIONS (AMENDMENT) REGULATIONS 2003

IN exercise of the powers conferred by section 5 of the Pensions Act 1980 [Act 227], the Yang di-Pertuan Agong makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Pensions (Amendment) Regulations 2003**.

(2) These Regulations is deemed to have come into operation on 1 January 2002.

Amendment of regulation 19

2. The Pensions Regulations 1980 [P.U. (A) 176/1980] is amended in paragraph 19(1)(a) by deleting the words “unmarried and”.

Made 9 May 2003

[JPA/PEN(R)228/23/3-1; PN(PU²)423/II]

By Command

TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN
Secretary to the Cabinet

P.U. (A) 158.**AKTA PENCEN PIHAK-PIHAK BERKUASA BERKANUN DAN
TEMPATAN 1980****PERATURAN-PERATURAN PENCEN PIHAK-PIHAK BERKUASA BERKANUN DAN
TEMPATAN (PINDAAN) 2003**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 28 Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 [*Akta 239*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 2003**.

(2) Peraturan-Peraturan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2002.

Pindaan peraturan 17

2. Peraturan-Peraturan Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1990 [*P.U. (A) 134/1990*] dipinda dalam perenggan 17(1)(a) dengan memotong perkataan “tak berkahwin dan”.

Dibuat 30 April 2003

[JPA/PEN(R)228/23/3-1; PN(PU²)432/II]

DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
Pemangku Perdana Menteri

STATUTORY AND LOCAL AUTHORITIES PENSIONS ACT 1980**STATUTORY AND LOCAL AUTHORITIES PENSIONS (AMENDMENT)
REGULATIONS 2003**

IN exercise of the powers conferred by section 28 of the Statutory and Local Authorities Pensions Act 1980 [*Act 239*], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Statutory and Local Authorities Pensions (Amendment) Regulations 2003**.

(2) These Regulations is deemed to have come into operation on 1 January 2002.

Amendment of regulation 17

2. The Statutory and Local Authorities Pensions Regulations 1990 [*P.U. (A) 134/1990*] are amended in paragraph 17(1)(a) by deleting the words “unmarried and”.

Made 30 April 2003

[JPA/PEN(R)228/23/3-1; PN(PU²)432/II]

DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
Acting Prime Minister

P.U. (A) 159.**AKTA AHLI PARLIMEN (SARAAN) 1980****PERINTAH AHLI PARLIMEN (SARAAN) (PINDAAN JADUAL
PERTAMA) (No. 2) 2003**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 19A Jadual Pertama kepada Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 [*Akta 237*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan Jadual Pertama) (No. 2) 2003**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2002.

Pindaan Jadual Pertama

2. Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dipinda dalam Jadual Pertama dengan memotong perenggan 10(a).

Dibuat 9 Mei 2003

[JPA/PEN(R)228/23/3-1; PN(PU²)369/IV]

Dengan Titah Perintah

TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN
Setiausaha Jemaah Menteri

MEMBERS OF PARLIAMENT (REMUNERATION) ACT 1980**MEMBERS OF PARLIAMENT (REMUNERATION) (AMENDMENT OF FIRST
SCHEDULE) (No. 2) ORDER 2003**

IN exercise of the powers conferred by paragraph 19A of the First Schedule to the Members of Parliament (Remuneration) Act 1980 [*Act 237*], the Yang di-Pertuan Agong makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Members of Parliament (Remuneration) (Amendment of First Schedule) (No. 2) Order 2003**.

(2) This Order is deemed to have come into operation on 1 January 2002.

Amendment of First Schedule

2. The Members of Parliament (Remuneration) Act 1980 is amended in the First Schedule by deleting paragraph 10(a).

Made 9 May 2003

[JPA/PEN(R)228/23/3-1; PN(PU²)369/IV]

By Command

TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN
Secretary to the Cabinet

P.U. (A) 160.

AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993

DAN

AKTA KASTAM 1967

PERINTAH KASTAM (DUTI ANTI-LAMBAKAN SEMENTARA) 2003

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 24(2) Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 [*Akta 504*] dan subseksyen 11(1) Akta Kastam 1967 [*Akta 235*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan tempoh kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan Sementara) 2003**.

(2) Perintah ini hendaklah berkuat kuasa bagi tempoh dari 30 Mei 2003 hingga 26 September 2003.

Duti anti-lambakan sementara

2. Duti anti-lambakan sementara hendaklah dilevi ke atas, dan dibayar oleh, pengimport berkenaan dengan barang-barang yang dinyatakan dalam ruang (2) dan (3) Jadual yang dieksport dari negara yang dinyatakan dalam ruang (4) ke dalam Malaysia oleh pengeksport atau pengeluar yang dinyatakan dalam ruang (5) mengikut kadar yang dinyatakan dalam ruang (6).

Cagaran

3. Duti anti-lambakan sementara yang dilevi di bawah Perintah ini hendaklah dijamin dengan cagaran yang sama dengan amaun duti yang dilevi.

Penjenisan barang-barang

4. Penjenisan barang-barang yang dinyatakan dalam Jadual hendaklah mematuhi Rukun-Rukun Tafsiran dalam Perintah Duti Kastam 1996 [*P.U. (A) 15/96*].

Kesan atas duti import dan cukai jualan

5. Pengenaan duti anti-lambakan sementara tidaklah menjejaskan pengenaan dan pemungutan—

(a) duti import di bawah Akta Kastam 1967; dan

(b) cukai jualan di bawah Akta Cukai Jualan 1972 [Akta 64].

JADUAL
[Perenggan 2]

DUTI ANTI-LAMBAKAN SEMENTARA

(1) No.	(2) Nombor Kod S.B.	(3) Perihal barang- barang	(4) Negara	(5) Pengeksport/ Pengeluar	(6) Kadar duti (% daripada harga eksport)
1.	4801.00 100	Newsprint dalam bentuk gulungan	Kanada	1. Bowater Mersey Paper Company, Ltd.	33.55%
				2. Abitibi Consolidated Inc.	33.55%
				3. Lain-lain	33.55%
			Republik Indonesia	1. PT. Suparma Tbk	33.14%
				2. C.V. Setia Kawan	22.87%
				3. PT. Kertas Leces (Persero)	17.29%
				4. PT. Aspex Kumbong	10.20%
				5. PT. Adiprima Suraprinta	7.91%
				6. Lain-lain	33.14%
			Republik Korea	1. Bowater-Halla Paper Co., LTD.	43.24%
				2. Daehan Paper Co. Ltd.	43.24%
				3. Pan Asia Paper Co.	43.24%
				4. Sepong Corp.	43.24%
				5. Lain-lain	43.24%
			Republik Filipina	1. Trust International Paper Corporation	31.74%
				2. Lain-lain	31.74%
			Amerika Syarikat	1. Bowater Incorporated	39.20%
				2. Abitibi Consolidated Inc.	39.20%
				3. Lain-lain	39.20%

Dibuat 27 Mei 2003

[Sulit KE. HE.(96)669/12-249-5; Perb. 0.9060/18 (Sj. 10);

PN(PU²)338D/II]

Bagi pihak dan atas nama Menteri Kewangan

CHAN KONG CHOY
Timbalan Menteri Kewangan

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 11(2) Akta Kastam 1967]

COUNTERVAILING AND ANTI-DUMPING DUTIES ACT 1993
AND
CUSTOMS ACT 1967

CUSTOMS (PROVISIONAL ANTI-DUMPING DUTIES) ORDER 2003

IN exercise of the powers conferred by subsection 24(2) of the Countervailing and Anti-Dumping Duties Act 1993 [*Act 504*] and subsection 11(1) of the Customs Act 1967 [*Act 235*], the Minister makes the following order:

Citation and duration

1. (1) This order may be cited as the **Customs (Provisional Anti-Dumping Duties) Order 2003**.

(2) This Order shall have effect for the period from 30 May 2003 to 26 September 2003.

Provisional anti-dumping duties

2. Provisional anti-dumping duties shall be levied on, and be paid by, the importer in respect of the goods specified in columns (2) and (3) of the Schedule exported from the country specified in column (4) into Malaysia by the exporters or producers specified in column (5) at the rates specified in column (6).

Security

3. The provisional anti-dumping duties levied under this Order shall be guaranteed by a security equal to the amount of the duties levied.

Classification of goods

4. The classification of goods specified in the Schedule shall be governed by the Rules of Interpretation in the Customs Duties Order 1996 [*P.U. (A) 15/96*].

Effect on import duties and sales tax

5. The imposition of provisional anti-dumping duties shall be without prejudice to the imposition and collection of—

(a) import duties under the Customs Act 1967; and

(b) sales tax under the Sales Tax Act 1972 [*Act 64*].

SCHEDULE
[Paragraph 2]

PROVISIONAL ANTI-DUMPING DUTIES

(1) No.	(2) H.S. Code Number	(3) Description of goods	(4) Country	(5) Exporter/Producer	(6) Rate of duty (% of the export price)
1.	4801.00 100	Newsprint in rolls	Canada	1. Bowater Mersey Paper Company, Ltd.	33.55%
				2. Abitibi Consolidated Inc.	33.55%
				3. Lain-lain	33.55%
			Republic of Indonesia	1. PT. Suparma Tbk	33.14%
				2. C.V. Setia Kawan	22.87%
				3. PT. Kertas Leces (Persero)	17.29%
				4. PT. Aspex Kumbong	10.20%
				5. PT. Adiprima Suraprinta	7.91%
				6. Lain-lain	33.14%
			Republic of Korea	1. Bowater-Halla Paper Co., LTD.	43.24%
				2. Daehan Paper Co. Ltd.	43.24%
				3. Pan Asia Paper Co.	43.24%
				4. Sepong Corp.	43.24%
				5. Lain-lain	43.24%
			Republic of Philippines	1. Trust International Paper Corporation	31.74%
				2. Lain-lain	31.74%
			United States of America	1. Bowater Incorporated	39.20%
				2. Abitibi Consolidated Inc.	39.20%
				3. Lain-lain	39.20%

Made 27 May 2003

[Sulit KE. HE.(96)669/12-249-5; Perb. 0.9060/18 (Sj. 10);
PN(PU²)338D/II]

On behalf and in the name of the Minister of Finance

CHAN KONG CHOY
Deputy Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 11(2) of the
Customs Act 1967]

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA